

# Berita Manmin

NO.15 18 DISEMBER 2022

## Media membuat liputan tentang ulang tahun ke-40 Gereja Pusat Manmin



Berita mengenai ibadah penyembahan dan acara sambutan ulang tahun ke-40 Gereja Pusat Manmin yang diadakan pada 9 dan 16 Oktober mendapat liputan media Internet seperti 'Harian Sudokwon', 'Berita Sisa', 'Majalah Sisa', 'BeritaE2', dan 'Harian Kewangan', bersama-sama dengan media Kristian seperti 'Berita Misi Kristian' dan 'Ulaskan Dunia Kristian'.

## Perjumpaan Doa Nazar Daniel


**7 (Isnin) – 27 November (Ahad)**

Dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin

**Untuk Perjumpaan Penyembuhan Ilahi, dan Penempatan Semula Gereja**  
[Pujian persediaan bermula pada pukul 8:40 malam]


Contoh buku Dr. Jaerock Lee

 URIM BOOKS




### Pesanan Salib

Buku yang harus dibaca oleh orang di seluruh dunia ini telah diterbitkan dalam 62 bahasa.



### Syurga (I)

Keindahan dan kehidupan di Syurga serta rahsia tentang setiap tempat kediaman dan ganjaran.



### Neraka

Kengerian Neraka disampaikan melalui gambar berwarna yang jelas.



### Tuhan Penyembuh

Mendedahkan cara asas untuk disembuhkan daripada penyakit dan juga kesakitan dalam hati.

Website: [www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com) Blog: [blog.naver.com/urbooks](http://blog.naver.com/urbooks) Facebook: [facebook.com/urbooks17](http://facebook.com/urbooks17)



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

## Sebab Yesus Dipaku pada Tangan dan Kaki-Nya

“Tetapi dia dilukai kerana dosa kita, dia diseksa kerana perbuatan jahat kita. Kita diselamatkan kerana hukuman kepadanya, hukuman yang seharusnya dijatuhkan kepada kita” (Yesaya 53:5)

Yesus menderita akibat penyaliban dalam ketentuan Tuhan yang ingin menyelamatkan manusia, yang semuanya telah menjadi orang yang berdosa. Oleh itu, apakah maksud dalam ketentuan yang dengannya Yesus dipaku pada tangan dan kaki-Nya?

### 1. Sebab Yesus Dipaku pada Tangan dan Kaki-Nya

Kebanyakan bentuk hukuman mati dilaksanakan dalam masa yang agak singkat tanpa membawa banyak kesakitan kepada tubuh. Walau bagaimanapun, penyaliban menimbulkan rasa sakit yang luar biasa untuk masa yang panjang. Apabila kedua-dua tangan dan kaki seseorang dipaku pada salib kayu yang kemudiannya didirikan tegak ke tanah, seluruh berat tubuhnya bergerak ke bawah di dalam tubuhnya dan kesakitan yang lebih besar menimpa bahagian yang tertusuk oleh paku. Selain itu, apabila algojo mengelak daripada memaku bahagian-bahagian tubuh yang penting, orang itu akan mengalirkan darah secara berterusan dan harus menanggung kesakitan dan penderitaan sehingga saat dia menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Apakah sebabnya Yesus perlu dipaku pada tangan dan kaki-Nya? Hal ini adalah untuk menebus manusia daripada segala dosa yang dilakukan dan yang akan dilakukan dengan tangan dan kakinya.

Markus 9:43-45 menyatakan, “Jika tanganmu menyebabkan kamu berdosa, potonglah tangan itu! Lebih baik kamu hidup tanpa sebelah tangan daripada kamu dengan kedua-dua belah tangan masuk ke dalam neraka, ke dalam api yang kekal. [Di sana ulat tidak dapat mati dan api tidak pernah padam]. Jika kakimu menyebabkan kamu berdosa, potonglah kaki itu! Lebih baik kamu hidup tanpa sebelah kaki daripada kamu dengan kedua-dua belah kaki dibuang ke dalam neraka.” Yesus yang tidak berdosa menebus kita daripada dosa-dosa yang kita lakukan dengan tangan dan kaki kita dengan dipaku pada tangan dan kaki-Nya serta mengalirkan darah sehingga mati.

Oleh itu, sesiapa yang telah menerima Yesus sebagai

Penyelamatnya dapat menerima pengampunan tanpa memotong tangan dan kakinya apabila dia bertaubat bahkan dapat menyingkirkan segala dosa daripada dirinya dengan kuasa Roh Kudus. Untuk mengampuni dosa-dosa kita dan mencegah kita daripada jatuh ke dalam api Neraka, Yesus menundukkan diri-Nya kepada penderitaan yang kejam di atas kayu salib.

Namun begitu, antara orang yang mengaku iman mereka kepada Yesus dan dengan mulut mengaku bertaubat daripada dosa mereka, ramai dalam kalangan mereka masih hidup dalam dosa. 1 Yohanes 1:6 memberitahu kita, “Jika kita berkata bahawa kita hidup bersatu dengan Dia, padahal kita hidup dalam kegelapan, maka kita berdusta baik dengan kata-kata mahupun dengan perbuatan.” Jika anda benar-benar percaya bahawa Yesus dipaku pada tangan dan kaki-Nya serta menderita di atas kayu salib kerana dosa anda, anda tidak akan berbuat dosa lagi.

### 2. Berjalanlah dalam Cahaya untuk Dibebaskan daripada Kutukan Hukum

Yesus yang tidak berdosa telah dikutuk bagi pihak kita dengan mati di atas kayu salib, dan kita yang percaya kepada perkara ini telah diampunkan daripada segala dosa kita dan dibebaskan daripada kutukan hukum. Orang yang percaya dan justeru itu menerima Yesus sebagai Penyelamat mereka telah dibebaskan daripada penyakit, kelemahan, kemiskinan dan semua jenis malapetaka yang lain.

Oleh itu, anak-anak Tuhan yang telah menerima Tuhan Yesus dan hidup menurut Firman Tuhan sentiasa dalam perlindungan Tuhan. Jika cubaan dan penderitaan datang kepada mereka walaupun mereka hidup menurut Firman Tuhan, cubaan tersebut bertujuan untuk berkat. Yakobus 1:12 menyatakan, “Berbahagialah orang yang tabah semasa mengalami cubaan. Apabila mereka berjaya mengatasi cubaan itu, mereka akan menerima pahala berupa kehidupan yang sudah dijanjikan oleh Allah kepada orang yang mengasihi-Nya.” Seperti yang

dinyatakan, mengatasi cubaan dengan rasa syukur akan mendatangkan berkat dari segi roh dan tubuh.

Apakah yang harus anda lakukan sekiranya cubaan dan penderitaan menimpa anda kerana anda gagal untuk hidup menurut Firman Tuhan? Sudah tiba masanya untuk anda segera bertaubat dan berpaling daripada cara hidup anda yang lalu. Sebaik sahaja anda memusnahkan tembok dosa dan berdoa dengan iman, cubaan dan penderitaan tiada pilihan melainkan diusir. Dalam sesetengah keadaan, anda mungkin berhadapan dengan kesukaran bukan kerana dosa anda tetapi melalui kemalangan. Sekalipun dalam keadaan sedemikian, Tuhan akan melakukan karya-Nya menurut iman anda sekiranya anda percaya kepada-Nya. Oleh sebab Yesus dikutuk di atas kayu salib, sesiapa sahaja dapat diampuni dosanya dengan iman dan dibebaskan daripada kutukan hukum.

Adakah ini bermaksud bahawa pengakuan kita, "Tuhan, saya percaya!" akan menjamin kita diampuni tanpa syarat? Seperti yang dinyatakan Alkitab dalam 1 Yohanes 1:7, "Tetapi jika kita hidup dalam cahaya, sebagaimana Allah ada dalam cahaya, maka kita hidup rukun dan darah Yesus, Anak-Nya, membersihkan kita daripada segala dosa," pengampunan dosa bergantung kepada kita "hidup dalam cahaya." Tiada mana-mana bahagian dalam Alkitab yang dapat kita jumpa bahawa kita masih dapat menerima keselamatan walaupun berdosa.

Yesus juga memberitahu kita dalam Matius 7:21, "Tidak semua orang yang memanggil Aku, 'Ya Tuhan, ya Tuhan,' akan menikmati Pemerintahan Allah, tetapi hanya orang yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga." Oleh itu, pengampunan akan diberi dan keselamatan sempurna akan dicapai hanya apabila kita menerima Yesus sebagai Penyelamat kita, bertaubat daripada dosa kita, berusaha untuk tidak berbuat dosa lagi, dan hidup dalam cahaya.

### 3. Perbezaan Kisah Alkitab tentang Apa yang Dikatakan oleh Dua Orang Penjahat

Apabila Yesus disalibkan, ramai orang berkumpul dan menghina serta mengejek Yesus. Di kedua-dua sisi Yesus terdapat salib di mana dua orang penjahat sedang disalibkan. Berkenaan mereka, kita dapati dalam Matius 27:44 bahawa, "Bahkan kedua-dua orang penjahat yang disalibkan bersama-sama Yesus pun menghina Dia seperti itu." Kemudian daripada Lukas 23:39-43, kita mendapati bahawa salah seorang penjahat "menghina" Yesus dan seorang lagi penjahat "menegur dia".

Bagaimanakah perbezaan catatan ini dapat dijelaskan? Hal ini merupakan sebahagian daripada karya Tuhan supaya pembaca daripada generasi yang akan datang dapat memperoleh gambaran yang lebih jelas tentang

peristiwa itu. Lukiskan satu gambaran dalam fikiran anda: tiga salib didirikan di Golgota, orang ramai berkumpul untuk menyaksikan hukuman mati yang akan berlaku. Terdapat askar Roma dengan lembing dan perisai cuba untuk menghalang kebanjiran penonton tambahan.

Dalam keadaan bising seperti itu, seseorang yang berdiri di sebelah penjahat akan dapat mendengar dengan jelas apa yang dikatakan oleh penjahat itu, tetapi tidak dapat begitu jelas mendengar kata-kata penjahat yang seorang lagi. Dengan kata lain, teguran penjahat yang bertaubat kepada penjahat yang menghina Yesus mungkin kedengaran seolah-olah penjahat yang bertaubat itu sebenarnya menghina Yesus. Namun begitu, orang yang berdiri berdekatan penjahat yang bertaubat dapat mendengar dengan jelas kata-kata kedua-dua penjahat dan Yesus serta membuat catatan yang tepat tentang peristiwa itu.

Sudah tentu Tuhan Yang Maha Kuasa dapat menyingkapkan setiap perincian yang berlaku kepada penulis Alkitab. Walau bagaimanapun, dengan membenarkan perbezaan sedemikian dalam catatan, Tuhan memungkinan orang yang membaca Alkitab untuk mempunyai gambaran yang jelas tentang penyaliban Yesus dengan ilham Roh Kudus setanding dengan menonton filem pada skrin besar dalam teater yang serba lengkap.

Oleh itu, apabila kita menjumpai bahagian-bahagian Alkitab yang tidak sejajar dengan cara pemikiran kita, kita harus terlebih dahulu memahami kepentingan rohani dengan ilham Roh Kudus dan bukannya menghakiminya dengan pemikiran dan piawai badan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, sekarang anda telah mengetahui sebab Yesus dipaku pada tangan dan kaki-Nya, jadi anda harus menerima pengampunan dosa anda dengan percaya kepada perkara ini. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar tangan dan kaki anda akan diberkati sebagai utusan yang menyebarkan kasih Penyelamat kita, dan menikmati segala autoriti serta berkat yang dengannya anda menerima hak sebagai anak Tuhan.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)E-mel: [manmin@manmin.kr](mailto:manmin@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)



## “Saya sembuh daripada artritis reumatoid dalam ruang kasih, dan dilindungi daripada krisis penipuan panggilan.”

Diaken Jungwha Han (Usia 55, Paroki Ke-18)



Saya menjalankan perniagaan kedai serbaneka 24 jam, dan ada kalanya saya bekerja di kedai lebih daripada 15 jam sehari. Kadangkala saya bekerja untuk tempoh lama tanpa dapat duduk. Dalam situasi ini, saya mendapat artritis reumatoid pada dua tahun yang lalu.

Apabila saya bangun pada waktu pagi, jari-jari saya kaku. Sakit dan bengkak pada jari berterusan sepanjang hari, sendi saya berpintal dan cacat. Saya tidak dapat menanggung kesakitan itu lalu saya berjumpa doktor dan mengambil ubat yang ditetapkan. Namun begitu, kesakitan itu tidak hilang, jadi saya terpaksa hidup dengan kesakitan pada seluruh badan pada setiap hari.

Kemudian, apabila saya mendengar berita baik tentang Retret Musim Panas 2022, saya bersedia dengan kerinduan. Saya mahu menyenangkan hati Tuhan Bapa, jadi saya memikirkan orang yang tidak dapat mengikuti retret akibat keadaan kewangan dan menaja yuran penyertaan bagi mereka. Saya juga memberi persembahan bunga di atas altar. Saya cuba untuk menanam dan bertindak dengan iman seperti ini untuk menjadi kekuatan bagi gereja.

Pada hari pertama Retret Musim Panas Manmin pada 1 Ogos 2022, saya menerima rahmat daripada ibadat ketibaan sebanyak yang telah saya sediakan dengan kerinduan. Selepas menerima doa untuk orang sakit daripada Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, kesakitan daripada artritis reumatoid sangat dilegakan. Pada 21 Ogos, selepas

menghadiri Perjumpaan Doa Roh Kudus di Gereja Manmin Ansan dan menerima doa daripada Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin, kesakitan yang tinggal sedikit hilang sepenuhnya. Haleluyah!

Dengan cara ini, melalui berkat pemulihan kesihatan saya oleh rahmat Tuhan, saya mendapat pengalaman yang menakjubkan apabila dilindungi oleh kasih Tuhan yang besar pada saat krisis.

Pada hari Jumaat 21 Oktober, kira-kira pukul 5:00 petang, saya menerima suatu mesej yang menyatakan bahawa kerajaan akan memberi pinjaman dalam bentuk 50 hingga 200 juta won untuk pemilik perniagaan kecil yang memerlukan. Kadar faedah adalah sebanyak 1% dan dapat dibayar dalam tempoh 10 tahun.

Saya memerlukan wang tepat pada masanya, jadi saya menghubungi nombor dalam mesej tersebut dengan memikirkan bahawa itu ialah tawaran yang baik. Mereka memberitahu saya untuk menelefon semula selepas 30 minit. Apabila saya menelefon nombor tersebut 30 minit kemudian, mereka memberitahu saya bahawa saya perlu memasang beberapa aplikasi untuk semakan kredit saya untuk melihat sama ada saya layak untuk mendapatkan pinjaman atau tidak. Saya mengikut apa yang dikatakan oleh mereka, dan memasang dua aplikasi. Semasa kami bercakap, kami dapat mengetahui sama ada saya dapat atau tidak memperoleh pinjaman dengan

memasang hanya satu lagi aplikasi.

Pada ketika itu, bunyi doa Pastor Kanan untuk orang sakit tiba-tiba kedengaran. Orang yang dalam talian telefon itu menyuruh saya untuk mematikan bunyi tersebut dan dia akan menelefon saya semula. Kira-kira pukul 5:50 petang, dia menelefon saya lagi dan bunyi doa Pastor Kanan kedengaran sekali lagi. Dia menamatkan panggilan telefon dengan memberitahu saya bahawa dia akan menelefon saya pada hari Isnin kerana bank akan ditutup pada pukul 6:00 petang.

Selepas itu, saya memberitahu kenalan saya tentang situasi ini, dan dia berkata bahawa situasi ini seperti penipuan panggilan. Dengan rasa terkejut, saya mendail 112 lalu dua orang pegawai polis segera datang. Setelah mereka mendengar situasi itu, mereka berkata, “Jika kamu memasang aplikasi terakhir setelah memasang dua aplikasi dalam telefon kamu, sehingga 700 juta won dapat dikeluarkan tetapi Tuhan telah membantu kamu.”

Sebenarnya, saya tidak dapat memberi persepuluhan penuh ketika menjalankan perniagaan kedai serbaneka 24 jam, tetapi selepas bertaubat di hadapan Tuhan, saya telah memberikan persepuluhan penuh sejak bulan September lalu.


Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Trinitas, Bapa, Anak dan Roh Kudus yang menyedarkan saya dengan kasih, melindungi saya, dan membimbing saya ke jalan kesembuhan, jawapan dan berkat.

## KESAKSIAN



**“Sembuh daripada kesan sampingan vaksin Covid-19, saya dapat berjalan tanpa tongkat.”**

Maria Lelis Pava  
(Usia 63, Colombia)



Pada bulan Februari 2022, selepas menerima dos ketiga vaksin Covid-19, saya mengalami sakit sendi dan otot serta hanya dapat berjalan dengan menggunakan tongkat. Melalui saluran YouTube Gereja Manmin Colombia, setiap kali Gereja Pusat Manmin mengadakan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi, saya menghadirinya untuk menerima kesembuhan. Semasa saya bertaubat daripada kejahatan saya yang saya sedari apabila mendengar khutbah tentang kitab Ayub, keadaan saya bertambah baik.

Sementara itu, saya menghadiri Perjumpaan Doa Roh Kudus Gereja Pusat Manmin menjelang Perjumpaan Kesembuhan pada bulan September. Sejak itu, kesakitan yang tersisa telah hilang dan saya dapat berjalan tanpa menggunakan tongkat serta tidur dengan nyenyak. Lebih penting lagi, pengalaman ini membantu saya untuk menjalani kehidupan rohani. Haleluyah!

**“Saya sembuh daripada arthritis, sakit leher, dan sembelit.”**

Juana Hernández  
(Usia 80, Honduras)



Apabila usia saya meningkat, saya menghidap beberapa penyakit. Saya mengalami sakit leher yang menyukarkan saya untuk menggerakkan kepala saya. Saya juga mengalami sakit belakang dan arthritis akibat penyakit buah pinggang. Saya juga mengalami sakit kepala yang kronik, kehilangan pendengaran dan sembelit.

Namun begitu, selepas saya menerima doa Dr. Soojin Lee dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi Gereja Pusat Manmin melalui saluran YouTube Gereja Manmin Colombia pada 30 September 2022, semua kesakitan hilang. Saya dapat membuka genggam tangan saya dan menggerakkan leher saya dengan baik tanpa sebarang masalah. Saya juga sembuh daripada sembelit, dan dapat membuang air besar tanpa kesukaran, yang sebelumnya tidak dapat saya lakukan selama beberapa hari. Haleluyah!

## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinititi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)  
 “Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)



## “Saya diberkati secara fizikal dan rohani melalui kesembuhan jari jerk.”

Pada bulan April 2022, ibu jari kanan saya tidak dapat dibengkokkan dengan baik. Saya berasa sakit dan sangat tidak selesa setiap kali saya cuba membengkokkan ibu jari saya.

Gejala itu menjadi semakin teruk, dan walaupun ibu jari kanan saya dibengkokkan secara tidak sedar, saya merasakan sakit yang teruk seolah-olah jari saya patah. Jari saya tidak dapat diluruskan sehingga saya terpaksa memegangnya dengan tangan kiri saya dan meluruskannya selepas beberapa ketika. Akibatnya, saya menjadi sangat berhati-hati tentang pergerakan ibu jari kanan saya sehingga akhirnya saya tidak dapat membengkokkan jari itu.



Selepas mencapai tahap ini, saya menerima rawatan perubatan pada bulan Jun yang lalu. Penyakit itu dipanggil ‘jari jerk’, dan doktor mengesyorkan terapi fizikal. Jika keadaan tidak bertambah baik, saya harus mempertimbangkan untuk menjalani pembedahan. Oleh itu, saya menerima terapi fizikal tetapi keadaan tidak bertambah baik.

Saya membuat keputusan untuk disembuhkan dalam Retret Musim Panas Manmin. Saya mengikuti Perjumpaan Doa Nazar Daniel dan berdoa untuk mendapat jawapan. Kemudian, dalam doa, saya teringat bagaimana saya memberikan masa yang sukar untuk keluarga saya akibat kerangka dan sikap benar diri, dan bertaubat serta kemudian cuba untuk berubah.

Akhirnya, Retret Musim Panas bermula pada 1 Ogos. Dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi selepas seminar pada malam yang pertama, Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan berdoa untuk orang sakit.

Saya menggerakkan ibu jari kanan saya sambil berdoa dengan hati yang bersungguh-sungguh untuk disembuhkan. Kemudian, ibu jari saya yang langsung tidak dapat dibengkokkan, dapat bengkok kira-kira 60 darjah.

Saya yakin bahawa Tuhan sedang menyembuhkan saya. Saya berasa sangat gembira dan bersyukur kerana saya telah berdoa dengan bersungguh-sungguh ketika bersedia untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan September. Kemudian pada suatu hari, apabila saya cuba untuk membengkokkan ibu jari kanan saya, jari saya dapat dibengkokkan sepenuhnya tanpa rasa sakit. Haleluyah!



Melalui proses ini, saya diberkati dengan bukan sahaja disembuhkan daripada penyakit saya malah saya menyedari dan mengubah diri saya. Saya memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Maha Kasih yang memimpin saya ke jalan berkat yang sejati, di mana segala-galanya makmur sebagaimana jiwa saya makmur.

Diaken Kanan Youngsook Gwon  
(Usia 60, Paroki Kelapan)